

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN LISAN

DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]

SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci tentang kuasa autonomi atau kuasa pentadbiran yang diberi balik kepada negeri Sarawak selepas perbincangan dengan Ketua Menteri Sarawak pada 20 Januari 2016.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri semasa merasmikan pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Jalur Gemilang 2015 di Kuching pada bulan Ogos 2015 yang lalu telah mengumumkan untuk lebih banyak kuasa pentadbiran membabitkan jabatan dan agensi persekutuan bakal diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam usaha merangsangkan pembangunan di kedua-dua negeri ini. Seterusnya, perincian utama *empowerment* kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak tersebut telah diumumkan oleh Perdana Menteri pada 16 September 2015 yang melibatkan penurunan kuasa secara pentadbiran dan berperingkat kepada kedua-dua Kerajaan Negeri.

2. Pelaksanaan *empowerment* secara pentadbiran dan berperingkat tersebut adalah berdasarkan ketetapan-ketetapan yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Negara. *Empowerment* secara pentadbiran ini akan tertumpu kepada fungsi-fungsi operasi dan pentadbiran tanpa melibatkan implikasi perundangan yang memerlukan pindaan Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang Negara yang berkaitan, termasuklah perkara-perkara yang telah disenaraikan dalam Senarai Persekutuan, Negeri dan Bersama.

3. Dalam hal ini, pemberian *empowerment* secara pentadbiran diteliti dengan terperinci oleh Jawatankuasa Bersama Mengkaji *Empowerment* Secara Pentadbiran Kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak (JBMES). Jawatankuasa Bersama ini ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengkaji perkara yang boleh dan akan diberi *empowerment* secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

4. Dalam pada itu, seperti yang telah diumumkan, hasil rundingan antara YAB Perdana Menteri dengan YAB Ketua Menteri Sarawak pada Januari yang lalu telah meluluskan 13 perkara berhubung penurunan kuasa pentadbiran kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri Sarawak.

5. Perbincangan berhubung "*devolution of power*" ini adalah proses yang berterusan dan kedua-dua pihak, iaitu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak sememangnya komited dalam hal ini.

Sekian, terima kasih.